

# Landskap sebagai Mekanisme Pertahanan Diri Berdasarkan Karya Sastra Melayu Tradisional

*Hasrina Baharum*

hasrina@fbk.upsi.edu.my

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu,  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

## ABSTRAK

Makalah ini bertujuan membincangkan peranan landskap sebagai mekanisme pertahanan diri berdasarkan landskap ibu negeri/ibu kota kerajaan Melayu, istana dan taman yang menjadi latar tempat dalam kebanyakan teks sastra Melayu tradisional dan juga kandungan teks yang menceritakan kaedah raja-raja Melayu zaman dahulu memilih tempat untuk mendirikan ibu negeri/ibu kota dan istana. Perbincangan dalam makalah ini bertitik tolak daripada prinsip Teori Biologikal (*Biological Theory*) yang dikemukakan oleh Bourassa (1988, 1990) menerusi *Theory of Landscape Aesthetics*. Perbincangan akan mengupas sejauh manakah aspek biologikal (melalui prinsip keselamatan tempat tinggal dan perlindungan diri) menjadi keutamaan masyarakat Melayu zaman silam dalam ketika memilih tapak yang sesuai untuk mendirikan ibu negeri/ibu kota serta istana, dan juga ketika mengubah landskap ibu negeri/istana berdasarkan gambaran landskap ibu negeri/ibu kota kerajaan Melayu serta istana yang menjadi latar dalam teks-teks kesusasteraan Melayu.

**Kata Kunci** Landskap, mekanisme pertahanan diri, teori biologikal, *theory of landscape aesthetics*, karya sastra Melayu Tradisional

## ABSTRACT

*The aim of this article is to discuss the role of landscape as a self defence mechanism, through the text background that describes the magnificence of the landscape of Malay kingdoms, capitals and palaces through the stories/content of the texts which narrated the methods used by various Malay rulers to select and determine the suitability of a particular location for the purpose of establishing a capital or a palace. The starting point of the discussion in this article is based on the principle of the Biological Theory as proposed by*

*Bourassa (1988, 1990) through the Theory of Landscape Aesthetics. Further discussion explored the extend in which biological aspects (habitat and safety) becomes the priority for the early Malay communities in deciding the suitability of locations when selecting appropriate landscape for the establishment of a new settlements, capitals or palaces based on the narrative in various traditional Malay texts.*

**Keywords** *Landscape, self defense mechanism, biological theory, theory of landscape aesthetics, traditional Malay text*

## **PENGENALAN**

Perkembangan ilmu landskap di alam Melayu dipercayai bermula sejak pada zaman dahulu lagi. Perkara ini boleh dibuktikan melalui karya Melayu tradisional seperti *Hikayat Malim Deman, Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu, Misa Melayu, Bustan al-Salatin, Hikayat Inderaputera, Syair Siti Zubaidah, Syair Burung Nuri* dan banyak lagi (sekadar menyebut beberapa contoh). Dalam karya-karya tersebut dipaparkan tentang kehebatan landskap ibu kota/ibu negeri sesebuah kerajaan, istana, dan juga taman raja-raja Melayu sebagai latar tempat teks ceritanya. Hal ini membuktikan kehebatan masyarakat Melayu dalam ilmu mengubah landskap. Walau bagaimanapun, sebuah gubahan landskap yang hebat daripada aspek seni binanya tidak akan bermakna tanpa ciri-ciri keselamatan yang kukuh. Kajian ini cuba mengupas tentang kepentingan prinsip keselamatan dan perlindungan diri dalam aspek perancangan tapak dan gubahan landskap Melayu berdasarkan karya Melayu tradisional.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dibuat dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan analisis teks sebagai kaedah utama kajian. Kajian kepustakaan melibatkan pencarian maklumat daripada pelbagai sumber tentang peranan landskap sebagai mekanisme pertahanan dan perlindungan diri dalam masyarakat Melayu. Sementara kaedah analisis teks melibatkan bacaan kritis serta membuat pertimbangan dan penilaian terhadap peranan landskap sebagai mekanisme pertahanan dan perlindungan berdasarkan karya Melayu tradisional.

Kajian ini bertitik tolak daripada prinsip-prinsip Teori Biologikal menerusi “Theory of Landscape Aesthetics”. Menurut Bourasa (1988,

1990), landskap dengan ciri-ciri keselamatan dan perlindungan diri merupakan antara perkara penting yang perlu diberi perhatian dalam pembangunan landskap supaya manusia dapat mengoptimumkan kepuasan estetika landskap terhadap persekitaran yang dihuni. Perkara ini ditegaskan oleh Bourassa (1988, hlm. 245) seperti berikut: “... *self protection requires an environment which facilitates activities such as hiding, escaping, or fighting whether one is human or animal.*” Keperluan biologikal ini dianggap sebagai perkara yang paling asas sama ada bagi manusia mahupun haiwan.

Selain itu, prinsip keselamatan dalam Teori Biologikal juga turut menekankan kepentingan “*The ability to see without being seen*” yang bermaksud kemampuan untuk melihat tanpa boleh dilihat oleh musuh atau anasir yang berbahaya. Dalam hal ini ditegaskan bahawa manusia hanya menikmati kepuasan estetikanya terhadap landskap atau persekitaran yang dihuni apabila kawasan tersebut bukan sahaja selamat daripada ancaman musuh (tidak dapat dilihat atau dikesan musuh), tetapi mampu memberikan kesempatan kepada penghuninya untuk mengawal aktiviti musuh (melihat atau mengesan kehadiran musuh) dengan mengambil langkah berjaga-jaga bagi mencegah bahaya atau musibah yang bakal timbul. Dengan penjelasan yang lain, tempat tinggal tersebut mampu menawarkan peluang untuk perlindungan diri daripada bahaya. Pandangan ini diperkukuhkan oleh Appleton (1975, hlm. 73) dalam petikan berikut:

*“Habitat theory postulate that aesthetic pleasure in landscape derives from the observer experiencing an environment favorable to the satisfaction of his biological needs. Prospect-refuge theory postulate that because the ability to see without being seen is an intermediate step in satisfaction of many those need, the capacity of an environment to ensure the achievement of this become a more immediate source.*”

## PERBINCANGAN

Bertitik tolak daripada prinsip-prinsip dalam Teori Biologikal, analisis terhadap karya Melayu tradisional mendapati landskap mempunyai peranan penting sebagai mekanisme pertahanan dan perlindungan daripada ancaman musuh. Hal ini boleh dilihat melalui cara mereka

menganal tapak landscape dan cara mereka menggubah landscape sesuatu kawasan seperti yang diketengahkan dalam karya Melayu tradisional. Dalam memilih kawasan untuk dijadikan ibu negeri/ibu kota didapati orang Melayu zaman dahulu cenderung memilih kawasan di tanah tinggi. Kawasan tanah tinggi menjadi pilihan kerana bentuk muka bumi yang demikian menawarkan ciri-ciri perlindungan dan keselamatan yang sangat diperlukan oleh sesebuah kerajaan. Analisis terhadap *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu* mendapati bahawa pusat pemerintahan Negeri Samudra didirikan di atas sebidang tanah yang tinggi:

Adalah pada suatu riwayat Merah Silu pergi berburu, maka anjingnya bernama Si Pasai itu pun menyalak. Dilihat Merah Silu Si Pasai menyalak itu di atas tanah tinggi, seperti ditimbun orang rupanya. .... Maka tanah tinggi itu diperbuatnya akan tempat, dinamai Samudra, ertinya semut besar (A. Samad Ahmad, 1979, hlm. 55).

Secara logiknya, kedudukan sesebuah istana sebagai pusat pemerintahan di tempat yang tinggi memudahkan usaha mengesan kehadiran atau ancaman musuh dari semua arah dilakukan. Perkara ini selaras dengan pandangan Mior Ahmad Noor Mior Hamzah (2002, hlm. 157), yang mengupas tentang kepentingan tanah tinggi sebagai tapak sebuah tapak kerajaan Melayu zaman dahulu. Dalam hal ini beliau menyatakan, “Peranan tanah berbukit atau anak bukit adalah untuk menjadi tapak kawasan istana berada di kawasan yang tertinggi. ...Tanah tersebut juga digunakan untuk tujuan pertanahan bagi menempatkan pos pemerhati.”<sup>1</sup> Contoh yang paling baik dapat dilihat dalam *Syair Siti Zubaidah* yang menunjukkan bagaimana kedudukan istana di kawasan yang tinggi memudahkan Puteri Siti Zubaidah mengesan kehadiran kapal yang keluar masuk ke dalam negara ayahandanya sebagai persediaan awal untuk berjaga-jaga demi keselamatan negara. Perkara ini dapat disaksikan dalam petikan berikut:

Anakanda diperbuatkan mahligai tinggi,  
Samalah tengah Pulau Peringgi,  
Gunung Bertatah emas pelanggi,  
Indahnya tidak lagi terperi.

Sangat tingginya melepaskan hutan,  
Dari jauh tampak kelihatan,  
Di atas tampak ke tengah lautan,  
Kemuncak tampak berkilat-kilatan.

Lalu bermadah Zubaidah Puteri,  
Kepada Dayang Siti Jauhari,  
“Pergilah dayang berperi-peri,  
Teropong itu bawa ke mari.”

“Ambil teropong yang bertatah,  
Dayang ambil berikan beta,  
Teropong itu terangnya nyata,  
Boleh nampak sekalian rata.”

Di dalam teropong dipandang rata,  
Besarnya tidak dapat dikata,  
Manusia seperti semut melata,  
Kapal dan kici samalah serta.  
Pakaian itu putih dan hitam,  
Songkok dan serban bermacam,  
Bangsanya itu Turki dan Syam,  
Bangsa Habsyi orangnya hitam.

Semuanya dilihat oleh Siti Zubaidah,  
Tampak dipandang berbagai-bagai,  
Setengah berjanggut setengah bermisai,  
Ada memegang pedang perisai

(Abdul Mutalib Abdul Ghani, 1991, hlm. 46, 54-55).

Contoh petikan di atas menunjukkan landskap memainkan peranan yang sangat penting sebagai mekanisme pertahanan dan perlindungan dalam masyarakat Melayu zaman silam, khususnya golongan pemerintah dalam konteks politik/kenegaraan. Dalam hal ini masyarakat Melayu pada zaman dahulu bergantung kepada kawasan yang tinggi dan mampu melindungi negeri daripada pelbagai anasir bahaya, sekali gus memperlihatkan peranan landskap sebagai tempat yang selamat, selari dengan prinsip keselamatan dan perlindungan diri seperti yang ditegaskan dalam prinsip Teori Biologiikal menerusi

*Theory of Landscape Aesthetics*. Hal ini bermakna, secara tabiinya, masyarakat Melayu zaman dahulu melihat landscape berperanan sebagai suatu mekanisme yang menawarkan tempat perlindungan selamat dan mampu melindungi diri daripada ancaman secara semulajadi.

Peranan landscape sebagai mekanisme pertahanan dan perlindungan dapat dilihat dengan lebih jelas lagi melalui cara mereka mengubah landscape sesebuah ibu kota/ibu negeri kerajaan Melayu yang ditemukan dalam karya Melayu tradisional. Analisis mendapati bahawa reka bentuk kebanyakan ibu negeri/ibu kota kerajaan Melayu tradisional dibangunkan dengan ciri-ciri keselamatan yang kukuh. Ciri-ciri keselamatan ini boleh dilihat melalui elemen-elemen gubahan landscape seperti kota dan parit yang mampu menawarkan perlindungan segera sekiranya diancam musuh. Hal ini menunjukkan bahawa mereka sangat memerlukan kepada sebuah landscape yang berupaya menawarkan ciri-ciri perlindungan dan keselamatan yang kukuh, selaras dengan prinsip keselamatan dan perlindungan dalam Teori Biologiikal menerusi *Theory of Landscape Aesthetics*. Sebagai contoh, dalam *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu* terdapat penggunaan parit dan kota dalam gubahan landscape ibu kota Singapura dan perkara ini diperikan seperti berikut:

Setelah sampai maka sekaliannya naiklah; maka negeri Singapura pun telah sudahlah diperbuat orang dengan kota paritnya, dan dengan sekalian istana dan balairung dalam dan balairung luar, serta sekalian rumah orang, kedai, dan pasar; terlalu indahnya perbuatan negeri Singapura itu (A. Samad Ahmad, 1979, hlm. 41).

Petikan di atas menggambarkan gubahan atau reka bentuk landscape kerajaan Melayu Singapura yang telah dibangunkan dengan parit dan kota sebagai mekanisme perlindungan dan pertahanan diri. Dalam hal ini pembinaan parit merupakan strategi pertahanan yang sangat berkesan bagi menghalang kemaraan musuh ketika negara diserang.<sup>2</sup> Menurut Mior Ahmad Noor Mior Hamzah (2002, hlm. 157), pembinaan parit ini penting bagi tujuan pertahanan atau jalan pintas, selain daripada menjadi punca air bagi mengairi tanaman. Demikian juga, kota, iaitu tembok batu atau benteng yang dibina melingkungi sempadan negeri dalam landscape ibu kota kerajaan Melayu Singapura turut menjadi suatu mekanisme pertahanan negara yang paling asas dan berguna pada bila-bila masa untuk menghalang kemaraan musuh. Contohnya penggunaan kota sebagai mekanisme perlindungan dan pertahanan juga dapat dilihat dalam negara yang dibangunkan oleh Raja Johan Syah melalui *Syair Siti Bidasari* seperti berikut:

Kepada Perdana Menteri baginda bertitah,  
“Aku hendak membangun kota.”  
Demikianlah menteri mendengar kata,  
Menghimpunkan pandai sekalian rata.

Menteri membangun kota di situ,  
Tiga lapan pertamanya pintu,  
Di dalamnya ada mahligai suatu,  
Daripada emas sepuluh mutu.

Pertama pintunya daripada besi,  
Segala senjata hadir terisi,  
Kawalnya jin berserta hansyi,  
Bercampur dengan kaum gergasi.

Keduanya pintu tembaga direka,  
Lengkaplah meriam dengan rentaka,  
Kawalnya itu mambang belaka,  
Di sanalah duduk bersuka-suka.

Ketiganya pintu daripada perak,  
Seperti kota Benua Ngiraq,  
Gegak gempita tentera bersorak,  
Seorang sambung tiada jarak

(Jamilah Haji Ahmad, 1989, hlm. 192-192).

Dalam petikan tadi, kota yang dibangunkan oleh Raja Johan Syah Alam untuk melindungi negara yang baru dibinanya digambarkan berlapis-lapis. Setiap satu lapisan pula dilengkapi dengan pintu yang kukuh. Pintu tersebut pula diperbuat daripada bahan binaan yang bermutu tinggi seperti besi, tembaga dan perak. Bagi memastikan keselamatan negaranya lebih terjamin, di setiap pintu tersebut dilengkapi pula dengan peralatan senjata seperti meriam dan rentaka. Situasi ini menunjukkan betapa besarnya kepentingan landskap dalam memainkan peranannya sebagai mekanisme perlindungan dan pertahanan bagi masyarakat Melayu pada zaman dahulu, khususnya dalam aspek gubahan atau reka bentuk landskap sebuah ibu kota. Sejarah turut membuktikan perkara ini melalui catatan yang

menunjukkan bahawa Kota Batu di Johor Lama telah dibina oleh Sultan Alaluddin Riayat Shah II, Sultan Johor kedua (1528-1564) sebagai benteng pertahanan daripada serangan Portugis.<sup>3</sup> Dari suatu sudut, perkara ini dilihat, selaras prinsip Teori Biologi yang menilai keupayaan terhadap estetika landskap berdasarkan keupayaan landskap dalam menawarkan tempat yang selamat kepada manusia.

Peranan landskap sebagai mekanisme perlindungan dan pertahanan dalam masyarakat Melayu tradisional turut terserlah melalui gubahan landskap istana/tamannya yang berpagar dan berpintu dengan ciri-ciri keselamatan yang tinggi. Menurut Hir Azni bin Md Tahir (1992, hlm. 3) pagar merupakan suatu binaan yang dibina di luar (*exterior*), tanpa mengira bahan yang digunakan dengan tujuan penandaan sempadan (*boundary marking*) dan perlindungan atau keselamatan (*security and protection*). Penggunaan pagar dan pintu yang diperbuat daripada bahan binaan yang kukuh dalam gubahan landskap istana dan taman-taman raja Melayu juga menunjukkan kebergantungan masyarakat Melayu, khususnya raja-raja Melayu pada zaman silam terhadap sebuah landskap yang mampu menawarkan ciri-ciri keselamatan dan perlindungan. Perkara ini dapat dibuktikan melalui landskap istana raja-raja Melayu yang terdapat dalam *Hikayat Inderaputera* menerusi petikan berikut:

Maka dihampiri-nya oleh Inderaputera, maka di-lihat-nya sa-ekor gajah yang besar berdiri di-muka pintu-nya itu terlalu hebat rupa-nya menghempas2 akan telinga-nya hendak mengusir akan Inderaputera rupa-nya.

Satelah sudah Inderaputera melihat itu maka Inderaputera pun berjalan-lah pula pada sa-lapis pagar jala2 itu daripada tembaga suasa dan pintunya daripada emas sa-puloh mutu dan berbagai2 pula perbuatan-nya yang indah2 rupa-nya. Maka Inderaputera pun hendak masuk ka-pintu-nya itu. Maka di-lihat oleh Inderaputera ada sa-ekor harimau di-muka pintu-nya mengangakan mulut-nya sa-laku2 hendak menangkap rupa-nya itu.

... Maka ia pun berjalan kapada ketiga lapis pagar jala2 pintunya itu daripada timah terlalu indah2 rupa-rupa-nya. Maka di-lihat oleh Inderaputera ada sa-ekor singa terantai pada pohon anggur menganga akan mulut-nya itu dan menghempaskan ekor-nya dan terjeling mata-nya itu.

Sa-telah sudah maka di-lihat oleh Inderaputera, ia pun berjalan-lah datang kepada pintu-nya yang keempat lapis pagar jala2-nya itu daripada tembaga suasa dan pintu-nya itu daripada emas sa-puloh



mutu. Beberapa bunga pula terpahat pada pintu-nya itu. Maka dilihat-nya oleh Inderaputera ada sa-ekor badak terlalu hebat rupa-nya datang mengangakan mulut-nya.

Sa-telah itu, maka Inderaputera pun berjalanlah pada pintu yang kelima lapis pagar jala2. ... Shahadan maka Inderaputera pun bertemu dengan sa-ekor naga berkepala tujuh ...

Maka Inderaputera pun berjalanlah pula kepada pintu yang keenam lapis ... Maka dilihat-nya oleh Inderaputera kepada pintu-nya itu ada sa-ekor garuda ...

Maka Inderaputera pun berjalan pula kapada pintu yang ka-tujuh. Pagar jala2-nya itu daripada tembaga yang amat merah dan pintu-nya daripada zamrud yang hijau. Maka di-lihat-nya oleh Inderaputera dari jauh berasap-asap rupa-nya. Maka dihampiri-nya pintu itu dan di-lihat-nya ada sa-orang raksasa naik kuda yang hijau memegang pedang kedua tangan-nya serta memusing2 (Ali bin Ahmad,1968, hlm. 60-66).

Petikan di atas memperincikan gubahan landskap sebuah istana dan taman (milik Puteri Gemala Nehran) yang dilengkapi ciri-ciri keselamatan yang tinggi melalui tujuh lapis pintu. Setiap lapis pintu tersebut pula ditempatkan “pengawal keselamatan” berupa “binatang berjentera” seperti gajah, harimau, singa, badak, naga, geroda, dan raksasa yang berfungsi seperti pengesan keselamatan automatik. Pengesan keselamatan ini bertindak balas serta-merta apabila pintunya cuba dicerobohi. Sebagai contoh, gajah yang berada di lapisan pertama pintu istana digambarkan bertindak secara serta-merta mengusir Inderaputera yang cuba melepasi pintu tersebut.

Keadaan yang sama berlaku apabila Inderaputera cuba menembusi pintu pagar yang kedua. Seekor harimau yang garang telah menerkam Inderaputera ketika dia menghampiri pintu tersebut. Walaupun dalam konteks cerita, Inderaputera berjaya menghadapi setiap halangan yang terdapat di ketujuh-tujuh lapis pintu istana, yang ingin ditekankan ialah keperluan masyarakat Melayu pada zaman silam terhadap sebuah landskap istana yang mampu menawarkan fungsi keselamatan dan perlindungan kepada penghuninya. Menurut Hir Azni Md Tahir (1992, hlm. 8), penggunaan pagar sebagai mekanisme perlindungan dan keselamatan merupakan sesuatu yang universal, iaitu wujud dalam mana-mana kebudayaan besar lain di dunia seperti di Eropah, Timur Tengah, dan Asia Tenggara.<sup>4</sup>

Selain itu, analisis mendapati bahawa prinsip keselamatan bagi tempat yang dipilih untuk membangunkan aktiviti pelandskapan

menurut pandangan masyarakat Melayu pada zaman silam ada kaitan dengan mitos<sup>5</sup> atau kepercayaan mereka tentang tuah atau kesesuaian sesebuah kawasan untuk mendirikan sebuah ibu negeri/ibu kota atau istana. Ada tempat yang diyakini membawa tuah kerana ciri-cirinya yang tertentu berdasarkan satu-satu kejadian atau insiden yang berlaku di tempat tersebut. Sebagai contoh sebuah kawasan yang bernama Temasek telah dipilih oleh Seri Teri Buana sebagai tempat membuka kerajaannya kerana beberapa unsur luar biasa yang dipercayai mampu membawa tuah kepada kepadanya.

Dalam konteks cerita, tempat berlakunya peristiwa anjing alah ditendang seekor pelanduk dipercayai dan diyakini sebagai sebuah sebuah tempat yang baik untuk dijadikan negeri. Kepercayaan dan keyakinan ini terkandung dalam kata-kata Seri Teri Buana dalam *Sulalatus Salatin/ Sejarah Melayu*: “Baiklah tempat ini diperbuat negeri, anjing alah oleh pelanduk, jika manusia betapa lagi.” (A. Samad Ahmad 1979, hlm. 38). Demikian juga, kehadiran singa ketika rakyat Seri Teri Buana sedang menebang dan menebas untuk mendirikan negeri di Temasek, dipercayai membawa petanda yang baik. Perkara ini ditegaskan sendiri oleh Seri Teri Buana dalam seperti berikut: “Patutlah kita perbuat negeri tempat ini kerana binatang gagah ada di dalamnya ...” (A. Samad Ahmad, 1979, hlm. 40).

Namun, ada juga beberapa insiden yang dipercayai membawa petanda buruk berhubung aspek keselamatan atau kesesuaian sesuatu tapak untuk dibangunkan dengan aktiviti pelandscapean seperti mendirikan ibu negeri/ibu kota atau istana. Sebagai contoh, Raja Iskandar Syah meninggalkan “Biawak Busuk” sebuah tapak landscape yang telah dibangunkan negeri kerana terdapat banyak biawak di situ, walaupun dari segi muka buminya, kawasan tersebut sesuai dijadikan sebuah negeri. Demikian juga, baginda meninggalkan istananya di Kota Buruk kerana negeri baharu yang dibukanya bertukar menjadi buruk pada waktu malam. Perkara ini digambarkan dalam *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu* seperti di bawah:

Sebermula Raja Iskandar Syah berjalan itu datang hampir hulu Muar, bertemu suatu tempat yang baik. Maka baginda berhenti berbuat tempat dan pagarnya, akan berbuat negeri. Apabila malam hari, datanglah biawak terlalu banyak beribu-ribu. Setelah hari siang dibawa orang ke air, apabila malam datang pula berlaksa-laksa, serta siang hari dipandang orang banyak pula, maka dibunuh orang dibuang ke air dan apabila malam datang pula berganda, dibunuhi

orang menjadi busuklah tempat itu dipanggil orang “Biawak Busuk”, datanglah sekarang.

Maka Raja Iskandar Syah pun berjalanlah dari sana. Ada pun baginda berjalan itu mendarat, beberapa hari antaranya terus hampir ke Simpang Ujong, maka dilihatnya baginda tempat itu baik lalu disuruh tebas, dibuat kota di sana, apabila malam menjadi buruk maka dinamai “Kota Buruk”, datang sekarang disebut orang tempat itu Kota Buruk... (A. Samad Ahmad, 1979, hlm. 70-71).

Kehadiran unsur luar biasa seperti “biawak busuk” dan “kota buruk” yang terdapat dalam petikan di atas dilihat sebagai suatu petanda tidak baik yang menunjukkan tempat-tempat berkenaan tidak selamat dan tidak sesuai untuk sebarang aktiviti pelandskapan. Sekali lagi perkara ini juga ada kaitan dengan mitos/kepercayaan yang dipegang oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu kala yang menurut Perret D. (1999, hlm. 8), perkara ini berhubung kait dengan konteks dunia kehidupan masyarakat Melayu pada zaman silam yang dipengaruhi oleh alam. Dalam hal ini, masyarakat Melayu dikatakan amat berpegang teguh kepada kekuatan unsur luar biasa alam tersebut.<sup>6</sup> Masyarakat Melayu zaman silam mempercayai bahawa kewujudan unsur luar biasa yang aneh seperti kehadiran biawak menandakan sesuatu kawasan tersebut tidak sesuai dibangunkan dengan aktiviti pelandskapan, terutamanya mendirikan negeri atau istana. Bahkan, tempat tersebut perlu ditinggalkan walaupun telah terdapat aktiviti pelandskapan di situ.

Di samping itu, karya sastra Melayu tradisional melalui *Tajul Muluk* turut menemukan masyarakat Melayu pada zaman silam turut mempunyai cara yang tersendiri dalam memastikan tapak yang dipilih untuk membina istana/negeri bebas daripada gangguan mahluk halus. Oleh itu, sesebuah kawasan atau tapak tidak boleh dihuni sewenang-wenangnya dan perlu “dipersucikan” melalui kaedah tertentu dalam memastikan keselamatan penghuninya. Caranya, tanah di tengah-tengah tapak atau kawasan tersebut perlu dikorek, dicucuk dan kemudiannya diambil tiga kepal tanah lalu dilontarkan ke arah matahari jatuh dengan membaca ayat tertentu. Hasilnya, jika ada syaitan datang meminta untuk mendiami tempat tersebut pada sebelah malamnya, penghuni dinasihatkan supaya tidak menyerahkan tempat tersebut. Perkara ini tergambar dalam *Tajul Muluk* menerusi petikan berikut:

Fasal ini jika bumi itu kata orang sangatlah keras syaitannya. Maka tatkala sudah atau dari bandarulnya maka koreklah tanah sama tengah itu cucuk sama tengah itu hingga sepilok maka ambillah tanahnya maka kepal baik maka baca ayat.

Maka lontarlah ke maghrib tiga kepal Inshaallah Ta'ala jika ada sangatlah syaitannya pada malam itu datanglah ia meminta tempat pada kita, maka jangan diberinya (Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2000, hlm. 23).

Kitab *Tajul Muluk* turut membuktikan masyarakat Melayu zaman dahulu juga telah memiliki kaedah untuk memastikan tapak landskap yang dipilih itu “sejuk dan dingin” untuk didiami. Caranya ialah “mempersucikan” tempat tersebut dengan menggunakan sebuah buyung. Buyung tersebut perlu diisi dengan air sehingga penuh dan sekuntum bunga dimasukkan ke dalamnya. Buyung itu kemudiannya perlu diletakkan pada tengah-tengah kawasan atau tapak landskap. “Emas sekupang” perlu diletakkan pada “pintu bunga” dan jampi perlu dibaca. Jika keesokan harinya air di dalam buyung masih penuh hal itu bermakna tempat tersebut amat sesuai dibangunkan negeri/istana. Sebaliknya jika air luak, bermakna tempat tersebut tidak sesuai dibangunkan dengan aktiviti sebarang pelandskapan. Cara mempersucikan tempat yang dipilih untuk dijadikan tapak landskap tersebut dijelaskan dalam kitab *Tajul Muluk* seperti berikut:

Fasal ini menyatakan syarat berbuat tempat bekas rumah. Supaya jadi sejuk dingin yang empunya rumah itu pertamanya dipersucikan dahulu tanah akan tempat rumah itu sudah maka ambil buyung bubuh air berpenuh-penuh dan bubuh bunga di dada air itu maka letakkan pada sama tengah ruang akan tempat rumah itu maka bubuh emas sekupang pada pintu bunga itu maka baca suatu isim telah pagi maka lihat jika penuh airnya itu juga baik lihat itulah yang utama terlalu baik tempatnya itu jika airnya luak sesuatu tiada baik tempat itu dan emas itu jika bubuh daripada tempat itu sedia itu pun tiada baik jangan duduk di sana nescaya rugi dengan haru juga akhirnya afiatnya olehnya. WaLlahua'lam (Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2000, hlm. 23).

Dalam petikan di atas *Tajul Muluk* telah menjelaskan faktor kepercayaan telah mempengaruhi ilmu landskap Melayu zaman dahulu dalam aspek perancangan tapak landskap atau cara mereka mengenal dan memilih tapak yang sesuai untuk dihuni. Jika pada

zaman moden analisis tapak dibuat berdasarkan faktor geologi dan *suitability* tanah berdasarkan prinsip ekologi sains alam sekitar, tetapi pada zaman dahulu pegangan dan kepercayaan tradisi menjadi teras dalam memilih dan menentukan tapak atau kawasan yang sesuai dan untuk membangunkan aktiviti pelandskapan di situ. Perkara ini menjadikan asas pertimbangan untuk menentukan keselamatan sesuatu tempat dalam ilmu perancangan tapak landskap Melayu agak berbeza daripada prinsip Teori Biologikal menerusi *Theory of Landscape Aesthetics*. Pegangan dan kepercayaan dalam menentukan sesebuah tempat selamat dan sesuai untuk dibangunkan dengan aktiviti pelandskapan merupakan berdasarkan kepercayaan yang diwarisi turun-temurun hasil pemerhatian dan hubungan yang akrab dengan persekitaran sekeliling.

Sehubungan itu, prinsip keselamatan dan perlindungan diri dalam konteks masyarakat Melayu adalah dengan mengikut kosmologi budaya mereka dan memperlihatkan sedikit perbezaan dengan dengan konsep keselamatan dan perlindungan yang difahami berdasarkan prinsip Teori Biologikal dalam *Theory of Landscape Aesthetics*. Menurut pandangan semesta masyarakat Melayu, tempat yang dipilih untuk dijadikan ibu negeri/ibu kota dan istana bukan sahaja perlu menawarkan perlindungan maksimum dari aspek keselamatan fizikal, tetapi juga perlu bebas daripada unsur luar biasa yang boleh mengganggu ketenteraman hidup manusia secara metafizikal.

## KESIMPULAN

Analisis terhadap sejumlah karya Melayu tradisional menunjukkan landskap memainkan peranan penting sebagai mekanisme perlindungan dan pertahanan diri dalam hidup masyarakat Melayu tradisional khususnya dalam memastikan keselamatan sebuah ibu kota/ibu negeri, istana, taman yang dibina. Perkara ini dapat dibuktikan melalui dua aspek penting. Pertama melalui deskripsi latar dalam karya Melayu tradisional melalui gubahan landskap atau pemandangan ibu kota, istana, dan taman raja-raja Melayu yang dilengkapi elemen-elemen reka bentuk seperti parit, kota, dan pagar yang berfungsi sebagai mekanisme keselamatan dan perlindungan diri. Dari satu sudut, perkara ini dilihat selari dengan prinsip-prinsip keselamatan dan perlindungan diri ditekankan dalam Teori Biologikal menerusi *Theory of Landscape Aesthetics*. Dalam aspek ini, masyarakat Melayu

turut mengecapi kepuasan terhadap landscape apabila landscape atau persekitaran tersebut berupaya memenuhi fungsinya dalam menawarkan keselamatan dan perlindungan dari segi tempat tinggal kepada penghuninya.

Kedua, melalui konteks kandungan cerita yang memaparkan kaedah raja-raja Melayu memilih dan menentukan tapak yang sesuai untuk membuka negeri atau mendirikan istana. Dalam hal ini, analisis mendapati bahawa karya sastera Melayu tradisional menunjukkan prinsip keselamatan dalam pembangunan landscape istana dan ibu negeri/ibu kota kerajaan Melayu yang dititikberatkan oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu tidak sekadar menekankan aspek keselamatan dari sudut fizikal semata-mata. Selain ciri-ciri keselamatan dari sudut fizikal melalui elemen-elemen tampak seperti kota, parit, pagar dan lain-lain, karya sastera Melayu tradisional menunjukkan masyarakat Melayu pada zaman dahulu turut menekankan pembangunan landscape yang berupaya melindungi manusia daripada unsur-unsur bahaya yang tidak tampak, di mata, iaitu unsur metafizikal seperti bahaya penunggu, puaka, roh jahat yang terdapat di sesuatu tempat berdasarkan kepercayaan dan pandangan budaya mereka. Dalam hal ini, tempat-tempat yang dipercayai tidak selamat daripada gangguan penunggu, puaka atau tempat yang tidak membawa tuah tidak akan dijadikan sebagai tapak untuk mendirikan ibu negeri/ibu kota dan istana oleh raja-raja Melayu zaman dahulu. Dari suatu sudut, keadaan ini disebabkan kosmologi budaya masyarakat Melayu pada zaman silam yang masih lagi terikat dengan pengaruh kepercayaan animisme yang menjadi pegangan hidup mereka pada masa tersebut.

## **RUJUKAN**

- Abdul Mutalib Abdul Ghani. (Penyelenggara). (1991). *Syair siti zubaidah perang cina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahmad al-Ahmadi. (2000). Tajul Muluk. Dlm. *Petua membina rumah melayu dari sudut etnis dan antropologist*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara.
- Ali bin Ahmad. (1968). *Hikayat inderaputera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Appleton J. (1975). *The experience of landscape*. London: Wiley.

- Arkib Negara Malaysia. (2015). *Kota Batu, Johor Lama*. Dicapai menerusi <http://www.arkib.gov.my/web/guest/kota-batu-johor-lama>.
- Samad Ahmad. (Penyelenggara). (1979). *Sulalatus salatin/sejarah melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bourassa S.C. (1988). Toward a theory of landscape aesthetics. *Landscape and Urban Planning*, 15, 241-252.
- Bourassa S.C. (1990). A paradigm of landscape aesthetics. *Environment and behavior*, 22 (6), 787-812.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hir Azni bin Md Tahir. (1992). *Pagar*. (Desertasi Diploma Senibina). Kajian Seni Bina, Perancangan dan Ukur, Institut Teknologi Mara, (UiTM) Shah Alam, Selangor.
- Jamilah Haji Ahmad. (Penyelenggara). (1989). *Syair siti bidasari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mior Ahmad Noor Mior Hamzah. (2002). Bangsa Melayu: Melihat Sebuah tamadun sebagaimana yang digambarkan oleh karya *Sejarah melayu*. *Jurnal Jati*, 8, hlm. 155-182.
- Perret D. (1999). Konsep negeri dalam sumber Melayu lama berunsur sejarah dan hukum. Dalam *Di sekitar konsep negeri* disusun oleh Wan Hashim Wan Teh dan Perret D. (1999). Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia dengan kerjasama Kedutaan Besar Perancis di Malaysia.

## Nota

- <sup>1</sup> Lihat Mior Ahmad Noor Mior Hamzah. (2002). Melalui tulisannya, *bangsa Melayu: Melihat sebuah tamadun sebagaimana yang digambarkan oleh Karya Sejarah Melayu*.
- <sup>2</sup> Pembinaan parit sebagai mekanisme pertahanan negara yang efektif boleh dibuktikan menerusi kejayaan umat Islam pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. mengalahkan tentera musyrikin dalam Perang Ahzab. Teknik ini dicadangkan oleh sahabat Nabi s.a.w. yang bernama Salman al-Farisi. Pembinaan parit sebagai mekanisme pertahanan negara terbukti berjaya apabila seramai 10 000 orang tentera musuh berjaya ditewaskan dengan hanya sebanyak 3000 orang tentera Islam. Dalam peperangan tersebut parit digali bagi menghalang tentera musuh daripada memasuki kota Madinah, sementara tentera Islam hanya bertahan di dalam kota. Lihat Mohd Mustaffa Josoh (2013) dalam tulisannya, "Pengajaran Perang al-Ahzab di Dalam dan Pengurusan Kepimpinan Islam" yang termuat di *Mais News* Ogos 2013.

- <sup>3</sup> Sumber diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia menerusi <http://www.arkib.gov.my/web/guest/kota-batu-johor-lama>.
- <sup>4</sup> Lihat Hir Azni bin Md Tahir (1992) dalam tesisnya yang berjudul *Pagar*.
- <sup>5</sup> Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005) mitos merupakan cerita pada zaman dahulu yang dianggap benar, terutama mengandungi unsur-unsur konsep atau kepercayaan tentang sejarah awal kewujudan sesuatu bangsa, kejadian alam, dan sebagainya. Winstedt (1997) yang memetik pernyataan Van Peursen menegaskan makna mitos mengatasi makna cerita dalam erti kata moden. Mitos memberi arah kepada kekuatan manusia dan seolah-olah pedoman untuk kebijaksanaan manusia. Melalui mitos, manusia dikatakan dapat turut serta mengambil bahagian dalam kejadian-kejadian di sekitarnya, dapat menanggapi daya kekuatan alam.
- <sup>6</sup> Lihat Perret D. (1999) melalui tulisannya, “Konsep Negeri dalam Sumber Melayu Lama Berunsur Sejarah dan Hukum” dalam buku *Di Sekitar Konsep Negeri* yang disusun oleh Wan Hashim Wan Teh dan Perret D (1999).